



GARIS PANDUAN PEJALAN KAKI DAN PENGGUNAAN BASIKAL

2025

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluar ulang atau mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan garis panduan ini dalam apa jua bentuk samada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa kebenaran daripada penerbit.

PRAKATA



Alhamdulillah dengan izin dan rahmat-Nya, Garis Panduan Pejalan Kaki dan Penggunaan Basikal di Politeknik Jeli Kelantan dapat disediakan sebagai rujukan rasmi kepada seluruh warga kampus.

Penyediaan garis panduan ini adalah selaras dengan usaha pihak pengurusan politeknik untuk mewujudkan persekitaran kampus yang selamat, selesa dan lestari. Keselamatan pelajar, pensyarah, staf serta pengunjung sentiasa menjadi keutamaan. Justeru, panduan ini dirangka bagi memberikan pengetahuan, peraturan dan etika yang jelas dalam mengurus pergerakan pejalan kaki dan penggunaan basikal di kawasan kampus.

Adalah diharapkan agar semua warga Politeknik Jeli Kelantan dapat memberi kerjasama penuh dalam mematuhi garis panduan ini. Pematuhan bukan sahaja dapat mengurangkan risiko kemalangan, malah menyumbang kepada budaya bertanggungjawab, bertimbang rasa dan berdisiplin dalam kehidupan seharian.

Akhir kata, semoga garis panduan ini menjadi rujukan yang berkesan dalam melahirkan komuniti kampus yang selamat, harmoni dan mesra alam.

Gs. Mohd Zamre bin Abd Rahman
Pengarah
Politeknik Jeli Kelantan

KANDUNGAN

Penyediaan garis panduan ini adalah selaras dengan usaha pihak pengurusan politeknik untuk mewujudkan persekitaran kampus yang selamat, selesa dan lestari. Keselamatan pelajar, pensyarah, staf serta pengunjung sentiasa menjadi keutamaan. Justeru, panduan ini dirangka bagi memberikan pengetahuan, peraturan dan etika yang jelas dalam mengurus pergerakan pejalan kaki dan penggunaan basikal di kawasan kampus.

• Pengenalan	01
• Objektif	02
• Garis Panduan Pejalan Kaki	03
• Garis Panduan Penggunaan Basikal	04
• Kawasan Berisiko	05
• Tanggungjawab Bersama	06
• Amalan Baik	07
• Kesimpulan	08

PENGENALAN

Politeknik Jeli, Kelantan merupakan sebuah institusi pendidikan yang menekankan bukan sahaja aspek akademik, malah kesejahteraan serta keselamatan seluruh warganya. Dengan keluasan kawasan kampus yang melibatkan kolej kediaman, bangunan pentadbiran dan akademik, perpustakaan, kafetaria, surau dan pelbagai kemudahan lain, pergerakan pelajar serta staf adalah sangat aktif sama ada dengan berjalan kaki ataupun menggunakan basikal.

Bagi memastikan keselamatan semua pihak terjamin, garis panduan ini diwujudkan sebagai dokumen rujukan rasmi untuk pejalan kaki dan pengguna basikal di dalam kampus. Panduan ini dirangka dengan mengambil kira aspek keselamatan, keselesaan, etika penggunaan jalan raya serta kelestarian alam sekitar, seiring dengan usaha politeknik untuk membudayakan gaya hidup sihat dan mesra alam.

Dengan adanya garis panduan ini, diharapkan seluruh warga kampus dapat memahami hak dan tanggungjawab masing-masing, sekali gus mewujudkan suasana kampus yang lebih selamat, harmoni dan kondusif.

OBJEKTIF

- 01. Menjamin keselamatan pejalan kaki dan penunggang basikal di kawasan kampus.**
- 02. Memberi panduan kepada warga kampus tentang peraturan dan etika penggunaan laluan.**
- 03. Mengurangkan risiko kemalangan yang melibatkan pejalan kaki, basikal dan kenderaan lain.**
- 04. Menggalakkan penggunaan basikal sebagai alternatif pengangkutan hijau.**
- 05. Mewujudkan persekitaran kampus yang selamat, kondusif dan berdaya saing.**

GARIS PANDUAN PEJALAN KAKI

LALUAN DAN PENGGUNAAN



Gunakan laluan pejalan kaki di dalam kampus.



Melintas hanya di lintasan pejalan kaki (zebra crossing) yang disediakan.

Elakkan berjalan di jalan utama yang digunakan kenderaan kecuali perlu.

Berjalan di sebelah kiri laluan untuk mengelakkan kesesakan.

KESELAMATAN DAN ETIKA



Pastikan tidak menggunakan telefon bimbit atau fon telinga ketika melintas jalan.

Beri laluan kepada warga emas, OKU, pelajar berbasikal, dan kenderaan kecemasan.

Gunakan pakaian terang atau reflektif pada waktu malam.

Gunakan payung/jaket hujan dan berhati-hati pada musim hujan

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BASIKAL

LALUAN DAN PERGERAKAN



Menunggang di bahagian tepi kiri jalan

Dilarang menunggang di kaki lima yang khusus untuk pejalan kaki.

Dilarang menunggang dalam kawasan bangunan

KESELAMATAN



Pastikan basikal dilengkapi dengan lampu, loceng dan reflector

Pakai topi keledar basikal bagi mengurangkan risiko kecederaan.

Lakukan pemeriksaan ringkas setiap kali sebelum menunggang

ETIKA



Gunakan isyarat tangan sebelum memblok atau berhenti.

Kurangkan kelajuan di kawasan ramai orang

Berhenti di lintasan pejalan kaki dan beri laluan kepada pejalan kaki.

Jangan menunggang secara berbahaya (zig-zag atau menunggang tanpa tangan).



KAWASAN BERISIKO

- Pintu masuk utama kampus
 - kenderaan keluar masuk
- Sekitar kolej kediaman pelajar
 - ramai pelajar berjalan kaki
- Kafetaria dan Pusat Pelajar
 - kawasan berkumpul pelajar
- Persimpangan dalam kampus
 - peka dengan lalu lintas
- Kawasan Pertanian dan Kolam
 - keadaan tanah lembut
- Kawasan Berbukit
 - jalan tidak rata



TANGGUNGJAWAB BERSAMA

-  Pejalan kaki – peka dengan pergerakan basikal & kenderaan.
-  Penunggang basikal – hormati hak pejalan kaki di lintasan zebra.
-  Pemandu kenderaan – perlahangkan kenderaan di kawasan pelajar melintas/berjalan.
-  Pengurusan Politeknik – sediakan laluan selamat, pencahayaan yang baik, dan papan tanda keselamatan.



AMALAN MULIA

01. Pengangkutan Alternatif

Galakkan pelajar dan staf menggunakan basikal sebagai pengangkutan hijau.

02. Aktiviti Sihat

Anjuran Hari Berbasikal untuk kesedaran.

03. Keselamatan

Pemantauan oleh Pegawai Keselamatan untuk pastikan Garis Panduan dipatuhi

KESIMPULAN

Garis Panduan Pejalan Kaki dan Penggunaan Basikal Politeknik Jeli, Kelantan ini dirangka bagi memastikan seluruh warga kampus dapat bergerak dengan selamat, teratur dan bertanggungjawab. Keselamatan di jalan raya bukanlah tanggungjawab individu semata-mata, tetapi merupakan tanggungjawab bersama antara pejalan kaki, penunggang basikal, pemandu kenderaan serta pihak pengurusan politeknik.

Dengan mematuhi garis panduan ini, kita bukan sahaja dapat mengurangkan risiko kemalangan, tetapi juga dapat mewujudkan suasana kampus yang harmoni, mesra alam dan kondusif untuk proses pembelajaran.

Semoga garis panduan ini menjadi amalan berterusan dalam kalangan pelajar, staf dan pengunjung kampus, seterusnya menjadikan Politeknik Jeli sebagai sebuah institusi pendidikan yang selamat, berdisiplin dan berdaya saing.



10 PESANAN RINGKAS

-  Gunakan laluan pejalan kaki – jangan berjalan di jalan utama kenderaan.
-  Melintas di lintasan zebra sahaja, jangan lintas sembarangan.
-  Berjalan di sebelah kiri laluan, hadap arus trafik jika tiada kaki lima.
-  Elakkan penggunaan telefon & fon telinga ketika melintas jalan.
-  Pakai pakaian cerah atau reflektif ketika waktu malam.
-  Kayuh basikal di tepi kiri jalan dan jangan lawan arus.
-  Pakai topi keledar & guna lampu basikal pada waktu malam.
-  Gunakan loceng basikal untuk beri isyarat kepada pejalan kaki.
-  Beri laluan kepada pejalan kaki di lintasan zebra dan kawasan sibuk.
-  Patuh tanda jalan & berhati-hati di kawasan persimpangan kampus.



POLITEKNIK JELI KELANTAN

